

Pendekatan strategi pemulihan (Turnaround strategy) yang digunakan oleh pihak majikan semasa organisasi berhadapan situasi pandemik COVID 19 di Kota Kinabalu, Sabah

ABSTRACT

Pandemik COVID 19 memberi kesan kepada kelangsungan organisasi di mana sesetengah organisasi terpaksa menghentikan operasi harian dan mengalami kerugian sehingga terpaksa melakukan pengurangan tenaga kerja. Prestasi organisasi juga turut terjejas akibat pandemik COVID 19. Antara sektor yang terjejas adalah sektor pelancongan seperti industri perhotelan di Malaysia. Oleh itu, organisasi tersebut terpaksa menutup atau menghentikan operasi organisasi ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dijalankan. Berdasarkan senario semasa, kertas kerja ini mengetengahkan strategi organisasi untuk mengekalkan kelangsungan organisasi semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menemubual 2 orang pihak Pengurus Sumber Manusia dalam sektor perhotelan di sekitar Kota Kinabalu, Sabah. Hasil kajian mendapati bahawa strategi pemulihan adalah strategi yang berkesan, bagi menstabilkan semula prestasi organisasi demi kelangsungan organisasi untuk mampu berdaya tahan ketika berhadapan situasi pandemik COVID 19. Antara langkah-langkah yang diambil oleh organisasi adalah dengan melaksanakan strategi pemulihan (Turnaround strategy). Strategi pemulihan ini terdiri daripada tiga (3) dimensi iaitu: pengurangan aset, penjimatan kos dan penjanaan hasil. Tindakan organisasi dalam mengurangkan kos dan aset adalah seperti melakukan pengurangan tenaga kerja dan pengeciran organisasi. Langkah-langkah ini adalah bertujuan untuk mengekalkan prestasi organisasi dari aspek komunikasi, produktiviti dan kepimpinan dalam organisasi. Kajian lepas oleh (Mann dan Byun, 2017) dan (Santana et al., 2017) menyatakan strategi pemulihan adalah berkesan untuk mengekalkan kelangsungan organisasi semasa pandemik COVID 19. Penelitian awal ini memerlukan sokongan teoritikal, bagi melihat sejauh mana hala tuju organisasi dalam mengamalkan pendekatan strategi pemulihan, pengurangan tenaga kerja dan hubungannya dengan prestasi dalam sesebuah organisasi semasa berhadapan dengan krisis pandemik COVID 19.